



Headline: Polis Negeri Sembilan rekod 248 kes Macau Language: Malay  
Scam

Publication/Portal: Berita Harian  
Date: 6 June 2018

Section: Jenayah  
Page: 23

# Polis Negeri Sembilan rekod 248 kes Macau Scam

➔ Sindiket  
didalangi  
warga asing  
menyamar polis  
buat panggilan  
rawak kepada  
orang ramai

Oleh Raja Noraina Raja  
Rahim  
rnoraina@nstp.com.my

▀ Seremban

**P**olis Negeri Sembilan merekodkan 248 kes penipuan panggilan telefon atau Macau Scam membabitkan kerugian lebih RM5.5 juta sejak tahun lalu hingga Mei tahun ini.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Negeri Sembilan, Superintendan R L Paniercelvan, berkata sindiket dipercayai didalangi warga asing itu membuat panggilan secara rawak terhadap orang ramai dengan menyamar sebagai pegawai polis.

#### Guna kaedah VOIP

"Panggilan dibuat suspek menggunakan nombor telefon Bukit Aman atau IPK negeri melalui kaedah Voice Over Internet Protocol (VOIP) dan menyamar sebagai pegawai polis.

"Suspek seterusnya memperdayakan mangsa dengan menyatakan mereka terbabit jenayah terancang dan pengubahan wang haram.

"Mangsa yang panik atau takut akan menuruti arahan sehingga memindahkan wang ke akaun diberikan suspek," katanya dalam satu kenyataan, di



Suspek perdayakan mangsa dengan menyatakan mereka terbabit jenayah terancang dan pengubahan wang haram"

**R L Paniercelvan,**  
Ketua JSJK IPK  
Negeri Sembilan

sini, semalam.

#### Tiada dalam SOP minta maklumat akaun bank

Beliau berkata, kebiasaannya sindiket akan menghubungi mangsa dan mendakwa pegawai polis yang menjalankan siasatan terhadap kes berkenaan.

"Pihak polis tidak pernah meminta orang ramai memberikan maklumat akaun bank untuk tujuan siasatan. Tiada dalam prosedur operasi standard (SOP) bagi pegawai penyiasat meminta maklumat akaun bank orang yang disiasat.

"Jadi, saya nasihatkan orang ramai jangan sewenang-wenangnya mendedahkan atau memberikan butiran peribadi kepada orang tidak kenali," katanya.

Beliau meminta orang ramai yang pernah melalui perkara itu supaya menghubungi IPK Negeri Sembilan di talian 06-7619999 untuk bantuan.